

TERMA DAN SYARAT

Ganjaran Karnival Kereta Terpakai Untuk Pembiayaan Kenderaan oleh CIMB

1. “Ganjaran Karnival Kereta Terpakai Untuk Pembiayaan Auto oleh CIMB” (“Karnival”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (dirujuk secara kolektif sebagai ‘CIMB’).

Tempoh Karnival

2. Karnival akan dijalankan dari 15^{hb} April 2019 ke 31^{hb} Julai 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Karnival”).

Kelayakan

3. Karnival terbuka kepada semua individu yang tinggal di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan orang bukan warganegara Malaysia yang berusia antara 18 tahun hingga 70 tahun, pemilik tunggal, organisasi amal / bukan untung, pelanggan korporat dan komersial yang membeli kenderaan terpakai termasuk yang Dipulihkan Tidak Berdaftar daripada Peniaga Kereta Terpakai Panel CIMB dan mendapat pembiayaan daripada CIMB (dirujuk secara kolektif sebagai “Pelanggan yang Layak”).
4. Pembiayaan yang didapati daripada CIMB adalah Produk Pembiayaan Sewa Beli Runcit (Islam atau Konvensional). Pembiayaan Auto yang dibuat melalui Pembelian Stok Perniagaan dan Diskaun Blok tidak akan layak menyertai Karnival ini.
5. Kakitangan tetap, sementara dan/atau kontrak atau pekerja CIMB (termasuk subsidiarinya dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami atau isteri, ibu bapa, anak dan adik-beradik) TIDAK layak menyertai Karnival ini.

Kriteria Kelayakan

6. Pelanggan yang Layak berhak menerima ("Ganjaran") jika
 - a) Membeli kenderaan terpakai daripada peniaga kereta terpakai panel CIMB;
 - b) Memohon untuk Pembiayaan Auto daripada CIMB semasa Tempoh Karnival;
 - c) Permohonan Pembiayaan Auto telah diluluskan dan diterima dalam tempoh Karnival; dan
 - d) Pembiayaan Auto mesti dikeluarkan tidak lewat daripada 31^{hb} Ogos 2019; (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Kriteria Kelayakan”).

7. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak yang memohon Pembiayaan Auto semasa Tempoh Karnival ini tertakluk kepada dan mesti memenuhi terma pembiayaan semasa, penilaian kredit dan polisi dan proses perniagaan semasa CIMB. Hanya Pelanggan yang Layak dengan Pembiayaan Auto yang diluluskan yang baginya Pembiayaan Auto berjaya dibayar adalah berhak untuk menyertai Karnival (seperti yang ditakrif di sini) semasa tempoh Karnival.
8. CIMB tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan, kehilangan, ketidaksempurnaan, penyerahan salah, penangguhan, kesukaran untuk dibaca, kerosakan atau penyalaharahan permohonan Produk yang Layak atau urusan surat-menyurat yang berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, kemusnahan atau selainnya, melainkan jika perkara tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

Pelaksanaan Kempen dan Ganjaran

Bahagian 1: Permainan Goncang & Menang

9. Pelaksanaan Permainan Goncang & Menang adalah seperti berikut: -
 - i) SMS akan dihantar kepada Pelanggan yang Layak selepas pembiayaan auto telah dibayar dalam tempoh **18** hari kerja.
 - ii) Terdapat kod 5 digit yang unik dalam SMS dan pautan yang akan membawa Pelanggan yang Layak ke mikrosit **Permainan Goncang & Menang**. Mikrosit itu diuruskan oleh laman web vendor panel CIMB yang dilantik.
 - iii) Hanya nombor telefon bimbit yang berdaftar dalam Malaysia akan menerima pautan SMS, dan nombor telefon bimbit yang tidak berdaftar dalam Malaysia tidak akan menerima pautan SMS.
 - iv) Pelanggan yang Layak dikehendaki memasukkan kod 5 digit yang unik yang disediakan, **empat digit terakhir nombor KP Pelanggan yang Layak** dan merait **SETUJU kepada Terma dan Syarat ("T&S")** sebelum meneruskan permainan.
 - v) Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) goncangan dan satu (1) hadiah dengan setiap pembiayaan auto mengikut Kriteria Kelayakan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu pembiayaan auto, Pelanggan yang Layak berhak untuk memenangi lebih daripada satu hadiah. Setiap goncangan hanya akan sah dari masa Malaysia jam 0000 pada 15 April 2019 hingga jam 2359 pada 23 September 2019
 - vi) Hadiah akan dimaklumkan dengan serta-merta dari mikrosit permainan Goncang & Menang.
10. Semua Pelanggan yang Layak dijamin dengan hadiah daripada Goncang & Menang dan jenis hadiah dinyatakan dalam jadual di bawah:

Deskripsi Hadiah		Kuantiti Hadiah
1	Kadar Faedah/Keuntungan 0% untuk Tahun Pertama	4
2	Perlindungan Sun AutoLife/Sun Auto Takaful sehingga RM100,000	50
3	Wang Tunai sebanyak RM188 Dikembalikan	200
4	Wang Tunai sebanyak RM68 Dikembalikan	500
5	Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (Personal Accident (PA)) sebanyak RM50,000	11,146

11. Hadiah untuk Pelanggan yang Layak diuntukkan secara rawak oleh sistem pemilihan automatik daripada senarai Ganjaran Terjamin melalui mikrosit Permainan Goncang & Menang.
12. Hadiah tidak boleh ditukar dengan tunai atau kredit atau dalam bentuk barang.
13. Setakat mana yang dibenarkan di sisi undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau sokongan, tersirat atau nyata, bertulis atau secara lisan, bagi Hadiah dan tidak akan memikul apa-apa tanggungjawab terhadap Hadiah yang ditawarkan di bawah Karnival ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah.
14. Dengan penerimaan atau pengambilan Hadiah, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan anggota gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, kos perbelanjaan atau liabiliti yang dialami oleh CIMB dan anggota gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing berkaitan dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Goncang & Menang atau penerimaan atau penebusan Hadiah. Segala risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.
15. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah. Hadiah tidak diperakui oleh CIMB dan pemasukan apa-apa Hadiah dalam Goncang & Menang ini tidak boleh dianggap sebagai suatu sokongan atau pengesyoran Hadiah oleh CIMB dalam apa-apa jua keadaan.
16. CIMB berhak untuk melucut hak kepada Hadiah sekiranya Maklumat Perhubungan Pelanggan yang Layak yang diselenggarakan dalam rekod CIMB tidak sah dan/atau tidak dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang diselenggarakan dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.
17. CIMB hanyalah pengedar Sun AutoLife / Sun Auto Takaful yang ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad (197499-U), penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau diurus oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad (689263-M), pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa pun cara berkenaan sebarang tuntutan yang timbul daripada Sun AutoLife/Sun Auto Takaful yang disediakan oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad (197499-U) dan/atau Sun Life

Malaysia Takaful Berhad (689263-M). Sun Life Malaysia Assurance Berhad (197499-U) dan/atau Sun Life Malaysia Takaful Berhad (689263-M) sebagai penanggung insurans/pengendali takaful berlesen dan penaja jamin / pengurus Produk Penyertaan akan melaksanakan obligasi insurans/takaful dengan sepenuhnya. Sun AutoLife/Sun Auto Takaful bukan produk CIMB dan tidak menjadi kewajipan/tidak dijamin oleh CIMB dan/atau anak-anak syarikatnya dan sekutunya.

18. CIMB hanyalah pengedar Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) yang ditaja jamin oleh Takaful Ikhlas General Berhad (1233870-A), pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara pun berkenaan dengan sebarang tuntutan yang timbul daripada Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) yang disediakan oleh Takaful Ikhlas General Berhad (1233870-A). Takaful Ikhlas General Berhad (1233870-A) sebagai pengurus berlesen Produk Penyertaan akan melaksanakan obligasi takaful dengan sepenuhnya. Takaful Kemalangan Diri (PA) bukan produk CIMB dan tidak menjadi kewajipan/tidak dijamin oleh CIMB dan/atau anak-anak syarikatnya dan sekutunya.
19. Penunaian semua hadiah akan dilakukan dalam tempoh lapan (8) minggu dari tarikh Goncang & Menang dimainkan kecuali Sun AutoLife / Sun Auto Takaful dan Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA). Sila rujuk kepada klausa 21(b) dan 21(d) untuk maklumat selanjutnya.
20. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan mengenai hadiah pemenang melalui SMS dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh Goncang & Menang dimainkan.
21. Butiran proses penunaian adalah seperti berikut:
 - a) Kadar Faedah/Keuntungan 0% untuk Tahun Pertama setakat maksimum RM4,000.

Amaun caj bulanan yang sama nilainya akan dikreditkan ke akaun pembiayaan auto Pelanggan yang Layak untuk tempoh satu (1) tahun dari bulan pemberitahuan oleh CIMB dalam bentuk SMS atau surat yang diposkan.
 - b) Perlindungan Sun AutoLife/Sun Auto Takaful sehingga RM100,000

Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk satu (1) Perlindungan Sun AutoLife/Sun Auto Takaful sehingga RM100,000 bagi setiap Pembiayaan Auto yang diambil. Umur Pelanggan yang Layak mestilah di antara 18 – 60 tahun. Pelanggan yang Layak akan menerima SMS untuk mengisi borang cadangan/permohonan Sun AutoLife / Sun Auto Takaful di Pusat Auto Finance (AFC) untuk menyelesaikan penebusan ganjaran tersebut dalam masa 30 hari dari tarikh penghantaran SMS. Polisi/sijil yang dikeluarkan akan dihantar kepada Pelanggan yang Layak melalui mel elektronik atau mel biasa bergantung kepada pilihan mereka yang ditandakan dalam borang cadangan/permohonan. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh apa jua atau di dalam keadaan di mana umur Pelanggan yang Layak melebihi 60 tahun dan tidak layak untuk mengambil Sun AutoLife / Sun Auto Takaful, pihak Bank akan menggantikan hadiah tersebut dengan sebarang produk Perlindungan Kemalangan Diri / Takaful Kemalangan Diri (PA) yang bernilai setara dengannya untuk Pelanggan yang Layak tersebut (rujuk klausa 27).

- c) Pengembalian Wang Tunai RM188 dan RM68.
Pengembalian Wang Tunai akan dikreditkan ke akaun Pembiayaan Auto Pelanggan yang Layak.
- d) Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) sebanyak RM50,000
Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) diuruskan oleh Takaful Ikhlas General Berhad (1233870-A). Pelanggan yang Layak yang berhak untuk Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) sebanyak RM50,000 akan berkuatkuasa dari 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2020. CIMB akan menghantar SMS kepada semua Pelanggan yang Layak bagi mendapatkan kebenaran untuk menghantar maklumat mereka kepada Takaful Ikhlas General Berhad untuk mengeluarkan sijil. Pelanggan yang Layak perlu bertindak balas kepada SMS tersebut pada atau sebelum 31 Ogos 2019. Sijil yang dikeluarkan akan dihantar kepada Pelanggan yang Layak melalui mel biasa.

Bahagian 2: Hadiah Eksklusif oleh Peniaga Berserta

22. **Pewarnaan Kereta atau Waranti Lanjutan Kereta Terpakai (*Used Car Extended Warranty*) Percuma**
Pewarnaan kereta ATAU Waranti Lanjutan Kereta Terpakai (*Used Car Extended Warranty*) percuma ditawarkan di peniaga yang berserta sahaja. Waranti Lanjutan Kereta Terpakai (*Used Car Extended Warranty*) akan ada dari 15 Mei 2019 dan tidak dapat digunakan bagi kenderaan yang telah dibaikpulih tetapi tidak didaftar. Peniaga yang berserta berhak untuk menggantikan pewarnaan kereta percuma atau Waranti Lanjutan Kereta Terpakai (*Used Car Extended Warranty*) dengan apa-apa hadiah yang sama nilainya mengikut budi bicara mereka. Untuk maklumat lanjut, sila lawati peniaga yang berserta kami.

Senarai peniaga yang berserta seperti di Lampiran I.

Bahagian 3: Dalam Talian Eksklusif: Touch and Go bernilai RM20.00

23. Satu ribu (1,000) Pelanggan yang Layak pertama berhak kepada Touch and Go yang dimuatkan dengan nilai RM20.00 sebelumnya, jika mereka mendaftarkan minat mereka melalui laman web CIMB atau pada platform media yang berserta dan selepas pembayaran Pembiayaan Auto seperti yang ditetapkan dalam Klausula 6.

Terma dan Syarat Am

24. Dengan menyertai Karnival ini, Pelanggan yang Layak yang Diluluskan disifatkan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, serta membenarkan CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my / www.cimbislamic.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh CIMB secara adil dan munasabah berhubung dengan setiap aspek Karnival ini, termasuk Ganjaran yang akan diberikan dan penentuan Pelanggan yang Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

25. Pelanggan yang Layak yang Diluluskan untuk Karnival ini dan/atau produk yang Layak yang telah didaftarkan (I) MESTI tidak melanggar terma dan syarat yang mengawal Pembiayaan Auto DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang, tertunggak, dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Karnival dan/atau sebelum pengkreditan Ganjaran, jika tidak, Pelanggan yang Layak yang Diluluskan akan hilang kelayakan untuk menyertai Karnival ini dan/atau Ganjaran akan dilucutkan hak.
26. CIMB berhak mengikut budi bicara tunggalnya untuk menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak yang Diluluskan yang diputuskan oleh CIMB sebagai mengganggu proses penyertaan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat ini.
27. CIMB berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan barang lain yang mempunyai kos yang sama dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Karnival ini dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak yang Diluluskan. Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penangguhan Karnival ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Pelanggan yang Layak yang Diluluskan atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang Diluluskan, sebagai akibat langsung atau tidak langsung tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penangguhan Karnival ini.
28. Dengan menyertai Karnival ini, Pelanggan yang Layak yang Diluluskan dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dengan apa-apa jua cara bertanggungjawab atau dianggap bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak yang Diluluskan jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya yang terkandung di sini, yang dapat dianggap disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian perindustrian, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor yang bersifat force majeure yang di luar kawalan munasabah CIMB.
29. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pelanggan yang Layak yang Diluluskan atau mana-mana pihak bagi apa-apa jua jenis kerugian atau kerosakan yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, lanjutan, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) dalam apa cara sekalipun yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau tanpa sertaan dalam Karnival ini, termasuk yang timbul daripada apa-apa kegagalan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") oleh Pelanggan yang Layak yang Diluluskan, melainkan jika perkara tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
30. CIMB berhak untuk memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada secara penambahan, pemotongan, pengubahsuaian, pindaan atau selainnya dalam apa cara sekalipun) ("**Pindaan**") mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak yang Diluluskan berkenaan dengan Pindaan tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu daripada cara

komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB, dan cawangan CIMB atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan itu boleh dinyatakan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan yang Layak yang Diluluskan atas permintaannya; atau dengan membubuh iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB, atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB, dan Pindaan itu hendaklah disifatkan sebagai mengikat Pelanggan yang Layak yang Diluluskan dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain sebagaimana yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu. Pelanggan yang Layak yang Diluluskan mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang sekata untuk melihat terma dan syarat Karnival dan untuk memastikan bahawa mereka mengikuti apa-apa perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat ini.

31. Tiada pampasan secara tunai atau dalam apa-apa bentuk lain akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak yang Diluluskan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang Diluluskan sebagai akibat langsung atau tidak langsung pindaan, variasi, pemotongan, penambahan atau perubahan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
32. Terma dan Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 1 sehingga Klausula 29 di atas) akan mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan Promosi lain yang mengiklankan Karnival ini. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa Karnival dan terma dan syarat yang mengawal Pembiayaan Auto yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
33. Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai bagi Karnival atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.
34. Sekiranya terdapat apa-apa ketaktekalan, konflik, ambiguiti atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat yang terkandung di sini, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi yang lain. Walau apa pun yang tersebut di atas, jika permintaan telah dibuat oleh Pelanggan yang Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat Pembiayaan Auto telah dipilih oleh Pelanggan yang Layak untuk mengawal operasi penggunaan Pembiayaan Auto oleh Pelanggan yang Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi yang lain.
35. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan yang Layak berhubung dengan Produk yang Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank, dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan Produk yang Layak di bawah CIMB Islamic Bank.
36. Untuk maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Karnival ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat dan nombor telefon yang berikut (atau di alamat dan nombor telefon lain yang boleh diubah oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak): Unit Resolusi Pelanggan, P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan Tel: 603 6204 7788/cru@cimb.com.